

09 SEP 1996

AGONG MENGHANTAR PERUTUSAN KE BRAZIL

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar telah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Brazil, Fernando Henrique Cardoso sempena sambutan hari kebangsaan ke 174 negara itu pada 7 Sept.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menyampaikan perutusan tahniahnya kepada Cardoso dan berkata beliau mahu kerjasama dalam perdagangan, pelaburan dan teknologi tinggi ditingkatkan, menurut kenyataan daripada Wisma Putra.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, dalam perutusan kepada rakan sejawatannya, Luiz Felipe Lampreia berkata, Malaysia juga mahu terus membangunkan hubungan dua hala dan juga hubungan Selatan-Selatan khususnya dalam rangka kerja G-15. -- BERNAMA

RZS PR